

TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

SEMPENA

**MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI KESEJAHTERAAN
BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)
BERSAMA PENDUDUK RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA (RT1M)
PINGGIRAN BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR**

PADA

**15 FEBRUARI 2017
JAM 9.00 MALAM**

BERTEMPAT DI

**RUMAH TRANSIT 1MALAYSIA (RT1M) PINGGIRAN BUKIT JALIL,
KUALA LUMPUR**

Yang saya muliakan,

Saudara Pengacara Majlis,

Y.B. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Barisan Pengurusan Tertinggi

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Ketua-Ketua Jabatan

Penduduk-penduduk Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) Pinggiran
Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan tuan-tuan, puan-puan yang saya
hormati sekalian.

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada malam yang indah ini bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada malam ini.

Para Hadirin Yang Dihormati sekalian,

2. Saya sememangnya berhasrat untuk melawat dan bertemu dengan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) yang telah disediakan oleh Kerajaan. Program ramah mesra atau dialog seperti ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti atau mendapat pandangan daripada tuan-tuan / puan-puan yang tinggal di sini dari segi cadangan penambahbaikan atau kekurangan-kekurangan yang ada yang boleh kita perbaiki demi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk.

3. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, Program Rumah Transit 1Malaysia ini telah dilancarkan pada penghujung tahun 2014 atas keperihatinan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal (rumah) sementara yang selesa kepada golongan belia yang telah berkahwin dengan kadar sewaan yang rendah iaitu RM250.00 sebulan. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, dua (2) blok Rumah Transit 1Malaysia ini, yang mempunyai **632 unit** ini pada asalnya adalah unit-unit di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang mana golongan sasarannya adalah berbeza. Namun, menyedari akan kepentingan dan keperluan belia yang baru berumahtangga untuk mendapatkan tempat tinggal dengan kadar sewa yang berpatutan di kawasan bandar adalah terhad, maka inisiatif atau kemudahan rumah transit ini telah disediakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan sasar ini.

4. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, Kerajaan telah membelanjakan kos berjumlah **RM187.64 juta** untuk membangunkan projek PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur merangkumi **12 blok** kediaman. Di samping itu, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak **RM3.83 juta** bagi kerja-kerja menaiktaraf **2 blok** PPR ini

iaitu blok L dan blok M bagi tujuan penyediaan Rumah Transit 1Malaysia (RT1M).

5. Tuan-tuan/puan-puan, saya sedia maklum bahawa tuan-tuan/puan-puan amat selesa tinggal di sini dengan kadar sewaan yang sangat rendah dan berpatutan. Namun demikian, apabila sampai suatu tempoh masa tertentu, tuan-tuan/puan-puan juga perlu merancang untuk memiliki rumah sendiri sebagai jaminan di masa hadapan buat keluarga masing-masing. Dalam hal ini, Kerajaan amat serius dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu dibeli atau disewa bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamatnya, tidak lain tidak bukan adalah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyat di setiap pelosok negara dan bagi memastikan tiada seorang pun daripada rakyat negara ini tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan negara.

6. Menyentuh tentang perumahan, perumahan merupakan sebahagian daripada agenda sosial nasional kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat ke arah mewujudkan masyarakat maju selaras dengan matlamat kerajaan mencapai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melancarkan Dasar Perumahan Negara bagi memandu, mengurus dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan sektor perumahan ke tahap yang lebih efisien dan sistematik. Tujuan utama dasar ini digubal adalah untuk mewujudkan sektor perumahan yang mampan, cekap dan berdaya saing serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui dasar ini, pendekatan yang komprehensif telah diperkenalkan untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah yang dibina oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

7. Sepanjang tempoh RMKe-8 sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan **RM6.076 billion** bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara yang

melibatkan **118 projek siap** yang telah memberi manfaat kepada **83,380 keluarga** di seluruh negara. Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan perumahan PPR pada masa hadapan, memandangkan projek PPR diterima dengan baik dan dekat di hati rakyat.

8. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah menyasarkan pembinaan **1 juta rumah** mampu milik sehingga penghujung 2017. Pihak PR1MA akan membina sejumlah 500,000 unit rumah mampu milik manakala baki 500,000 unit rumah akan dibina oleh agensi-agensi lain seperti JPN, SPNB dan Kerajaan Negeri serta pemaju-pemaju perumahan swasta.

SKIM MYHOME

9. Di samping itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **Skim MyHome** sebagai insentif atau galakan kepada pemaju swasta untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam membina rumah-rumah mampu milik di seluruh negara. Sehingga 31 Januari 2017, sebanyak **140 projek MyHome** yang merangkumi **34,749 unit rumah** telah diterima dan diproses. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,867 unit rumah MyHome 1 dan 7,865 unit rumah di bawah Skim

MyHome 2 telah diluluskan secara bersyarat. Sehingga 31 Januari 2017, pembayaran insentif bernilai **RM178.62 juta** telah dibayar oleh KPKT kepada pemaju projek MyHome. Dari segi **permohonan pemilikan unit MyHome**, KPKT telah menerima sebanyak **187,258 permohonan** yang merangkumi 145,125 permohonan MyHome 1 dan 42,133 permohonan MyHome 2.

MYDEPOSIT

10. YAB Perdana Menteri Malaysia juga ketika membentang Rang Undang-Undang Perbekalan (2016) di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2015 telah mengumumkan pelaksanaan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit). Skim ini merupakan satu insentif kerajaan bagi membantu golongan pertengahan memiliki rumah idaman di mana peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan oleh Kerajaan sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit.

11. Sehingga tarikh tutup permohonan iaitu pada 30 Jun 2016 lalu, sejumlah **6,298 permohonan** telah diterima merangkumi **3,658 permohonan** bagi pembelian **rumah baru** dan **2,640 permohonan** bagi rumah **sekunder (sub sale)**. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak **523 pemohon** telah mendapat manfaat daripada skim ini dengan jumlah keseluruhan bayaran MyDeposit sebanyak **RM13.9 juta**. Skim ini memberikan **sumbangan** kepada pembeli rumah pertama sebanyak **sepuluh peratus (10%) daripada harga** rumah sehingga **RM30,000 maksimum** bagi tujuan pembayaran deposit. Inisiatif ini akan meringankan beban pembeli golongan pertengahan untuk memiliki rumah pertama yang diidamkan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Berbalik semula kepada Rumah Transit 1Malaysia, untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, daripada Januari 2016 hingga Disember 2016, jumlah permohonan yang diterima untuk Rumah Transit 1Malaysia, Pinggiran Bukit Jalil adalah sebanyak **620 permohonan**. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **471 pemohon** adalah layak mendapat kemudahan ini. Sehingga kini, saya

dimaklumkan bahawa pengisian unit RT1M adalah berjumlah **585 unit** iaitu 93% berbanding jumlah keseluruhan unit sebanyak **632**. Manakala baki kekosongan sebanyak **47 unit**, saya difahamkan akan diisi pada bulan Mac 2017. Memandangkan kekosongan unit di Rumah Transit 1Malaysia, Pinggiran Bukit Jalil adalah terhad, maka pengisian bagi permohonan baru hanyalah dapat dibuat berdasarkan kekosongan sedia ada dari semasa ke semasa.

13. Berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan dan memenuhi keperluan belia untuk kemudahan Rumah Transit 1Malaysia ini, Kerajaan berhasrat untuk meluaskan pelaksanaan program ini di bandar-bandar besar lain di seluruh negara di mana sebanyak **2 program** rumah transit akan dilaksanakan pada tahun ini masing-masing di **PPR Kepong, Kuala Lumpur (410 unit)** dan **PPR Sg. Melana, Johor Bahru, Johor (390 unit)**.

PENAMBAHBAIKAN POLISI SEWAAN

14. Untuk makluman tuan-puan sekalian, saya sedia maklum bahawa sebelum ini tawaran penyewaan Rumah Transit 1Malaysia,

Pinggiran Bukit Jalil hanyalah untuk tempoh selama **dua (2) tahun**. Namun demikian, saya juga mendapat maklumbalas daripada pihak tuan/puan bahawa tempoh dua (2) tahun tersebut adalah terlalu singkat dan tidak mencukupi untuk tuan/puan membuat perancangan dari segi pembelian rumah sendiri di masa hadapan.

15. Atas faktor ini, saya dengan berbesar hati mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh sewaan bagi Program Rumah Transit 1Malaysia dari **2 tahun kepada 5 tahun di mana kontrak permulaan adalah selama 3 tahun dengan opsyen lanjutan selama 2 tahun (1+1)**. Dalam hal ini, tempoh sewaan semasa tuan-tuan/puan-puan di Rumah Transit 1Malaysia, Pinggiran Bukit Jalil ini boleh dilanjutkan selama **tiga (3) tahun lagi (1+1+1)**.

16. Namun demikian, tuan-tuan/puan-puan perlulah mengemukakan permohonan perlanjutan tempoh penyewaan kepada pihak Kementerian untuk pertimbangan selanjutnya. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, perlanjutan ini adalah tertakluk kepada prestasi tuan-puan selaku penyewa dari segi rekod

pembayaran sewaan bulanan yang baik dan teratur tanpa sebarang tunggakan serta tiada pelanggaran syarat-syarat sepertimana terkandung dalam perjanjian penyewaan.

17. Selain itu, selaras dengan objektif program yang disasarkan untuk pasangan muda, Kerajaan juga sedang di peringkat penyediaan perkhidmatan WiFi di program rumah transit ini yang akan disediakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan secara prabayar iaitu syarikat MBJ Network Venture Sdn Bhd pada kadar yang berpatutan untuk kemudahan para penduduk. Untuk makluman tuantuan/puan-puan, perkhidmatan Wifi prabayar yang akan disediakan ini adalah pada kadar harga **RM1 per jam** dengan kelajuan **minimum 512 kbps**. Perkhidmatan ini tidak memerlukan sebarang pendaftaran atau bayaran bulanan tetap sebaliknya caj dikenakan mengikut penggunaan melalui bayaran secara atas talian atau kad prabayar.

18. Tujuan diadakan kemudahan WiFi ini adalah bagi membolehkan penghuni-penghuni rumah transit di kawasan ini untuk menikmati kemudahan Internet tanpa wayar yang

membolehkan penduduk mendapatkan informasi terkini dan sebagai medium perhubungan sekiranya terdapat sebarang cadangan, pandangan atau aduan yang hendak dikemukakan kepada pihak berwajib. Kerajaan bukan sahaja membina rumah untuk kemudahan dan keselesaan penghuni-penghuni malah menyediakan kemudahan yang kondusif bagi membolehkan penghuni-penghuni menikmati kehidupan yang lebih selesa dan selamat.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

19. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengingatkan para penduduk yang menikmati kemudahan perumahan transit ini supaya bersama-sama menghargai dan menjaga segala kemudahan yang diberi oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan yang disediakan ini dapat digunakan dengan baik dalam jangka masa panjang. Saya berharap agar penduduk rumah transit ini sentiasa menjaga keharmonian dan hidup dalam keadaan aman damai serta sejahtera. Sebarang permasalahan hendaklah dibincang secara berhemah dan disalurkan melalui kaedah yang betul.

20. Saya juga ingin menegaskan bahawa kemudahan perumahan yang disediakan oleh Kerajaan ini adalah untuk diduduki dan tidak boleh disewakan (*sublet*) kepada pihak ketiga atau disalahgunakan selain daripada tujuan kediaman. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat-syarat dalam tempoh penyewaan, tuan-puan akan diberikan Notis Penamatan dan Pengosongan Unit dan dikehendaki keluar serta menyerahkan kembali unit kediaman kepada Kerajaan untuk disewakan semula kepada pemohon yang lebih memerlukan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

21. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi KPKT, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang turut serta menjayakan majlis pada malam ini. Ucapan tahniah dan penghargaan terima kasih juga tidak dilupakan kepada pihak Urusetia Majlis yang telah berjaya mengatur persiapan majlis yang begitu bermakna pada malam ini.

Sekian.

**Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**

**BAHAGIAN PENGURUSAN PERUMAHAN
JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

14 FEBRUARI 2017